

25/02/2003

Aman Malaysia diteruskan

KUALA LUMPUR: Perhimpunan keamanan yang berlangsung di Stadium Nasional Bukit Jalil, malam tadi, bukanlah kegiatan Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) yang terakhir, sebaliknya akan diteruskan dengan pelbagai aktiviti, sekurang-kurangnya menjelang Persidangan Negara Islam (OIC), Oktober ini.

Setiausaha Agung Majlis Belia Malaysia (MBM), Norizan Sharif, berkata Aman Malaysia sepatutnya diteruskan menjadi sebuah gerakan antiperang, hingga mencapai matlamat peperangan diharamkan, sejajar dengan amanat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meminta rakyat Malaysia menentang peperangan.

"Sehubungan itu, MBM berpendapat perjuangan Aman Malaysia bukan sekadar menghalang serangan terhadap Iraq dan membebaskan Palestin, tetapi mestilah lebih besar iaitu menuntut pengharaman perang, bukan setakat menghentikan peperangan," katanya kepada Berita Harian.